

HASiL/2026/01/05 – 04

**TEMPOH PERALIHAN TAMBAHAN PELAKSANAAN
E-INVOIS FASA 4 DAN KELONGGARAN PENGELUARAN E-INVOIS
DISATUKAN BAGI PERNIAGAAN BAHAN BINAAN**

CYBERJAYA, 5 JANUARI 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) mengambil maklum komitmen pembayar cukai yang memerlukan tempoh masa mencukupi dalam mematuhi keperluan perundangan pelaksanaan e-Invois, terutamanya melibatkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lancar, Kerajaan bersetuju supaya pembayar cukai yang terlibat dalam pelaksanaan e-Invois Fasa 4 yang bermula dari 1 Januari 2026 diberi tempoh peralihan selama 12 bulan berbanding tempoh 6 bulan yang ditetapkan sebelum ini. Sehubungan itu, sepanjang tempoh peralihan yang bermula dari 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026, pembayar cukai dibenarkan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- a) Mengeluarkan e-Invois yang disatukan untuk semua aktiviti dan transaksi, termasuk bagi industri atau aktiviti yang disenaraikan di bawah Seksyen 3.7 Garis Panduan Spesifik e-Invois. Pengeluaran e-Invois disatukan juga dibenarkan walaupun terdapat permohonan e-Invois daripada pembeli;

- b) Mengeluarkan e-Invois bil sendiri yang disatukan untuk semua keadaan bil sendiri seperti yang digariskan di bawah Seksyen 8.3 Garis Panduan Spesifik e-Invois; dan
- c) Membenarkan apa-apa diskripsi transaksi dimasukkan di medan “Keterangan Produk atau Perkhidmatan”.

Di sepanjang tempoh peralihan tersebut, HASiL tidak akan mengenakan penalti ke atas sebarang ketidakpatuhan kepada keperluan e-Invois, dengan syarat pembayar cukai mematuhi peraturan yang dinyatakan di atas.

Kerajaan juga bersetuju untuk membenarkan pembayar cukai dari sektor pemborongan dan peruncitan bahan pembinaan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026. Melalui kebenaran ini, e-Invois hanya perlu dikeluarkan sekiranya melibatkan transaksi melebihi RM10,000 ke atas atau apabila terdapat permohonan daripada pembeli untuk mendapatkan e-Invois.

Selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan seperti di atas, adalah diharapkan pembayar cukai terutamanya PMKS mempunyai tempoh masa persediaan yang secukupnya untuk melaksanakan e-Invois dan pada masa yang sama, peniaga bahan binaan tidak terbeban dengan keperluan untuk mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi.

Pembayar cukai boleh menghubungi HASiL melalui saluran khas e-Invois seperti berikut untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat selanjutnya:

- a. Berkunjung ke pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 5 Januari 2026